

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI
SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 27 OGOS 2020 (KHAMIS)

SOALAN

Minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN** menyatakan sambutan permohonan Geran Agropreneur Muda dalam kalangan anak muda dan usaha yang dilakukan bagi meningkatkan penglibatan anak-anak muda.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Sambutan terhadap Program Agropreneur Muda adalah sangat memberangsangkan terutama bagi permohonan bantuan Geran Agropreneur Muda. Secara umumnya, program ini menawarkan perkhidmatan dan bantuan seperti berikut:

- i. Menyediakan Geran Agropreneur Muda (GAM) berbentuk barangan sehingga RM20,000 bagi setiap projek;
- ii. Menyediakan bantuan modal melalui Pakej Pembiayaan Khas Agrobank dan TEKUN Nasional sehingga RM200,000 bagi projek pengembangan; dan
- iii. Menyediakan kursus jangka pendek dan khidmat nasihat teknikal dan kewangan melalui jabatan/agensi berkaitan di bawah Kementerian.

Sejak Geran Agropreneur Muda diperkenalkan dari tahun 2016 sehingga Jun 2020, seramai **6,005 orang peserta** agropreneur muda dari seluruh negara telah berjaya mendapat kelulusan Geran Agropreneur Muda melibatkan peruntukan **RM104 juta**.

Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) melalui Unit Agropreneur Muda (UAM) sentiasa menambah baik pelaksanaan inisiatif dan aktiviti dalam meningkatkan penglibatan anak-anak muda dalam sektor agromakanan. Antaranya:

i. Perluasan skop Program Agropreneur Muda

Kementerian meluaskan skop program melibatkan bidang tanaman yang merangkumi penggunaan agroteknologi, sistem fertigasi, tanaman hidroponik dan akuaponik bagi memberi lebih banyak peluang untuk golongan belia memohon.

ii. Jelajah Agropreneur Muda

Kementerian mengadakan aktiviti Jelajah Agropreneur Muda di seluruh negara bagi memperkenalkan kepada golongan belia berhubung Program Agropreneur Muda yang menawarkan bantuan Geran Agropreneur Muda, pembiayaan mudah, kursus teknikal dan khidmat nasihat.

iii. Program *Livestreaming* dan Latihan Webinar

Kementerian secara aktif menganjurkan kursus-kursus secara webinar, sesi perkongsian dan taklimat program melalui media sosial untuk menarik lebih ramai belia secara santai dan lebih berkonsep terbuka kepada semua.

iv. Sesi *Engagement* Merentas Kementerian

Kementerian juga mempergiat usaha untuk melibatkan lebih ramai belia dengan mengadakan sesi pertemuan dan perbincangan bersama Kementerian Belia dan Sukan (KBS), Kementerian Pengajian tinggi (KPT) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) untuk menjalinkan usaha sama yang dapat dirangka untuk keutamaan belia.

Sekian, terima kasih.